



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN**  
**KOD KURSUS : DSM2093**  
**PEPERIKSAAN : MEI 2017**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Nyatakan **EMPAT (4)** manfaat program latihan kepada kakitangan dan juga organisasi.  
(4 markah)
- b. Jelaskan perbezaan di antara latihan, pendidikan dan pembangunan.  
(6 markah)

**SOALAN 2**

- a. Program latihan yang berkesan ialah satu program latihan yang dapat dimanfaatkan oleh peserta secara maksimum. Oleh itu,uraikan **LIMA (5)** teknik dalam mempertingkatkan pemindahan latihan di organisasi.  
(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Pengendalian program latihan yang baik memerlukan perkhidmatan jurulatih yang memahami tugasnya sebagai jurulatih. Bincangkan **LIMA (5)** peranan jurulatih dalam kegiatan latihan di dalam organisasi.  
(10 markah)

**SOALAN 4**

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan objektif? Berikan **DUA (2)** kepentingan objektif latihan.

(4 markah)

- b. Bincangkan **TIGA (3)** komponen objektif program latihan yang anda ketahui.

(6 markah)

**SOALAN 5**

- a. Terangkan **LIMA (5)** proses pembangunan kerjaya yang anda ketahui.

(10 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Bincangkan secara ringkas sejarah latihan di dunia dan Malaysia.

(10 markah)

- b. Pendekatan program latihan merupakan aspek penting dalam memastikan beberapa prinsip dan perbezaan asas program latihan dapat diambil kira sebelum sesuatu program latihan itu dirangka dengan lebih terperinci. Jelaskan **TIGA (3)** pendekatan yang boleh digunakan dalam program latihan di organisasi.

(15 markah)

**SOALAN 2**

- a. Ilustrasikan gambar rajah model peristiwa-peristiwa kritis.

(10 markah)

- b. Puan Salmi merupakan seorang jurulatih yang menjalankan kegiatan latihan di organisasi dengan menggunakan variasi teknik latihan. Bincangkan kebaikan dan juga kelemahan **LIMA (5)** teknik latihan yang digunakan oleh Puan Salmi sebagai jurulatih program latihan terhadap pelatih.

(15 markah)

**SOALAN 3**

a. Penilaian terhadap latihan adalah penentuan sejauh mana objektif latihan yang dikehendaki telah dicapai. Oleh itu, senaraikan **LIMA (5)** tujuan penilaian latihan yang dibuat oleh organisasi.

(5 markah)

b. Penilaian latihan mempunyai pelbagai pendekatan dan juga dapat dijadikan sebagai rangka konsep atau panduan kerja mereka bentuk program latihan. Bincangkan **EMPAT (4)** tahap model penilaian Kirkpatrick berserta ilustrasi gambar rajah yang digunakan dalam penilaian keberkesanan program latihan.

(20 markah)

**[50 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**